

20 SEP 1998

Mahathir-Ekonomi

MALAYSIA TIDAK MAHU JADI NEGARA CONTOH, KATA DR MAHATHIR

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia tidak mempunyai niat untuk menjadi negara contoh kepada negara-negara dalam aspek kawalan mata wang.

Malaysia memperkenalkan langkah-langkah kawalan mata wang pada 1 Sept lepas untuk merangsangkan ekonomi dan melindunginya daripada kesan daripada masalah kewangan luaran.

"Kita bukan meminta untuk berperanan sebagai model kepada sesiapa," kata Perdana Menteri apabila ditanya sama ada Malaysia boleh menjadi negara contoh kepada negara-negara lain khususnya dalam pelaksanaan langkah-langkah ekonomi yang tegas seperti yang diperkenalkan baru-baru ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata, apa yang Malaysia buat ialah bagi melindungi ekonominya.

"Kita rasa kita buat perkara yang betul," katanya.

Perdana Menteri berkata, apa yang orang lain (ataupun negara lain) mahu melaksanakan adalah hak mereka.

"Jika mereka mahu mencontohi kita (dasar ekonomi Malaysia), maka itu adalah hak mereka," kata beliau.

Menekankan yang keadaan ekonomi berbeza di setiap negara, Dr Mahathir berkata "meniru apa yang dibuat oleh orang lain bukan cara terbaik untuk menguruskan sesuatu."

-- BERNAMA

ES SHY PR